



**PARA** peserta yang menjayakan program tersebut.

# 109 peserta sertai webinar antarabangsa

**BINTULU:** Seramai 109 peserta dari empat negara iaitu Malaysia, Mesir, Iraq dan Rusia mengikuti webinar antarabangsa ‘Putra Outreach Agrivarsity: From Malaysia to Egypt 2023’ yang diadakan baru-baru ini.

Ia adalah anjuran Kelab Bioindustri (Biolnc) Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dengan kerjasama National Authority of Remote Sensing and Space Sciences (NARSS), Kaherah, Mesir.

Menurut UPMKB dalam satu kenyataan, webinar itu dikendalikan oleh pengarah programnya, Christie Rekan Patan dan Dr. Jessica Jeyanthi James

Antony selaku penasihat Kelab Bioindustri menerusi platform Zoom.

Manakala, perasmianya disempumakan oleh Ketua Jabatan Sains Tanaman UPMKB Dr. Zakry Fitri Abdul Aziz yang mewakili Dekan Fakulti Pertanian dan Sains Perhutanan UPMKB Dr. Zamri Rosli, dan Pengurus NARSS Profesor Dr. Islam Abou El-Magd.

Zakry dalam ucapannya berharap agar kerjasama antara NARSS dan UPMKB akan diteruskan pada tahun akan datang dan tidak hanya tertumpu kepada pertukaran ilmu dalam kalangan pelajar tetapi juga penyelidikan dan pengajaran bagi memastikan keselamatan makanan melalui pembangunan sektor pertanian.